



14 April 2014
14 April 2014
P.U. (A) 104

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PEMBAYARAN DAN ADJUDIKASI INDUSTRI PEMBINAAN (PENGECUALIAN) 2014

CONSTRUCTION INDUSTRY PAYMENT AND ADJUDICATION (EXEMPTION) ORDER 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PEMBAYARAN DAN ADJUDIKASI INDUSTRI PEMBINAAN 2012

PERINTAH PEMBAYARAN DAN ADJUDIKASI INDUSTRI PEMBINAAN
(PENGECUALIAN) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 40(b) Akta Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan 2012 [Akta 746], Menteri, selepas menimbangkan syor Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan (Pengecualian) 2014.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 15 April 2014.

Pengecualian

2. (1) Suatu kontrak pembinaan Kerajaan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dikecualikan daripada semua peruntukan Akta.

(2) Tertakluk kepada subperenggan (3), suatu kontrak pembinaan Kerajaan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dikecualikan daripada pemakaian subseksyen 6(3), 7(2), 10(1), 10(2), 11(1) dan 11(2) Akta mulai 15 April 2014 hingga 31 Disember 2015.

(3) Pengecualian yang disebut dalam subperenggan (2) tertakluk kepada terma dan syarat yang berikut:

(a) respons pembayaran di bawah seksyen 6 Akta hendaklah disampaikan kepada pihak yang tidak dibayar dalam masa tiga puluh hari dari penerimaan tuntutan pembayaran;

(b) hak untuk merujukkan pertikaian kepada adjudikasi oleh pihak yang tidak dibayar atau pihak yang tidak membayar di bawah subseksyen 7(2) Akta hanya boleh dijalankan selepas tamat

tempoh untuk menyampaikan respons pembayaran di bawah subsubperenggan (a);

- (c) responden yang disebut dalam seksyen 10 Akta, dalam masa tiga puluh hari dari penerimaan tuntutan adjudikasi, hendaklah—
- (i) menyampaikan respons adjudikasi bertulis yang hendaklah menjawab tuntutan adjudikasi itu berserta dengan apa-apa dokumen sokongan kepada pihak yang menuntut; dan
 - (ii) memberikan adjudikator salinan respons adjudikasi itu berserta dengan apa-apa dokumen sokongan; dan
- (d) pihak yang menuntut yang disebut dalam seksyen 11 Akta, dalam masa tiga puluh hari dari penerimaan respons adjudikasi—
- (i) boleh menyampaikan suatu jawapan bertulis kepada respons adjudikasi itu berserta dengan dokumen sokongan kepada responden; dan
 - (ii) hendaklah memberi adjudikator salinan jawapan adjudikasi berserta dengan apa-apa dokumen sokongan.

JADUAL PERTAMA

Suatu kontrak bagi apa-apa kerja pembinaan—

- (a) yang dijalankan dengan segera dan tanpa berlengah disebabkan oleh bencana alam, banjir, tanah runtuh, pemendapan tanah, kebakaran dan hal keadaan kecemasan dan luar jangka yang lain;